

|            |                                |             |                      |
|------------|--------------------------------|-------------|----------------------|
| Headline   | 'Buy Halal First' lebih sesuai |             |                      |
| MediaTitle | Berita Harian Ahad             |             |                      |
| Date       | 22 Sep 2019                    | Color       | Full Color           |
| Section    | Nasional                       | Circulation | 56,027               |
| Page No    | 1,12,13                        | Readership  | 168,081              |
| Language   | Malay                          | ArticleSize | 1322 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                            | AdValue     | RM 43,775            |
| Frequency  | Daily                          | PR Value    | RM 131,325           |



**Kempen 'Buy  
Halal First'  
lebih sesuai**

*Ikuti **soal jawab** bersama  
Pengarah Sekretariat Majlis  
Halal Malaysia, **Datuk Dr  
Sirajuddin Suhaimee***

**Muka 12/13**



|            |                                |             |                      |
|------------|--------------------------------|-------------|----------------------|
| Headline   | 'Buy Halal First' lebih sesuai |             |                      |
| MediaTitle | Berita Harian Ahad             | Color       | Full Color           |
| Date       | 22 Sep 2019                    | Circulation | 56,027               |
| Section    | Nasional                       | Readership  | 168,081              |
| Page No    | 1,12,13                        | ArticleSize | 1322 cm <sup>2</sup> |
| Language   | Malay                          | AdValue     | RM 43,775            |
| Journalist | N/A                            | PR Value    | RM 131,325           |
| Frequency  | Daily                          |             |                      |

# 'Buy Halal First' lebih sesuai

 Kalau orang lain kata  
BMF, kita kata Buy Halal First maksudnya utamakan barang ada sijil halal. Insya Allah akan dapat produk berkualiti dan halalan toyibban.

Sirajuddin Suhaimee,  
Pengarah Sekretariat Majlis Halal Malaysia



**S:** Isu produk, makanan dan minuman halal dianggap isu besar kerana membabitkan akidah umat Islam. Bagaimana peranan pihak sekretariat dalam mendepani perannya?

**J:** Saya lihat perkara ini bukan isu baru, sejak saya serta bahagian hab halal pada 2006. Waktu itu kita mempromosikan kesedaran dan kepentingan mendapatkan persijilan halal dalam kalangan umat Islam khususnya, tetapi pada masa sama orang bukan Islam pun mendapat manfaat. Ada dua sudut berbeza, apabila kita bercakap mengenai kepentingan meningkatkan kesedaran persijilan halal iaitu mengapa perlu mendapatkan produk mempunyai persijilan halal atau mengapa kita perlu memilih produk ada sijil halal iaitu kerana proses dalam mengeluaran sijil halal itu bukan hanya melihat kepada syarak. Dahulu kalau bercerita mengenai halal orang nampak sembilhan aman dan lembu sahaja, sedangkan halal ini skop lebih luas. Sebab itu kita perkenalkan *halalan toyibban* (halal lagi baik) iaitu halal, bersih, berkualiti dan terjamin dari segi integriti.

**S:** Ada yang kata asalkan tuang masak orang Islam, maka halal dan tak perlu sijil halal?

**J:** Apabila kita bercakap dengan pihak industri pula khususnya Muslim Bumiputera, mereka kata "Saya ini Islam, saya yang buat, mengapa perlu ada sijil halal. Saya buat dan tahu (proses menghasilkan produk)." Memang betul, sebab itu sehingga kini, kita mengetahui bahawa halal itu bergantung tanggungjawab individu. Apabila hendak makan atau guna kena cari yang halal. Itu adalah wajib. Persijilan halal adalah fardu kifayah atau tanggungjawab kerajaan untuk pastikan produk itu benar-benar halal.

Kita mengetahui untuk memberi nilai tambah kepada produk itu dengan *halalan toyibban*. Sebab itu kita ada standard, sekarang ada lapan standard berkaitan persijilan halal merangkumi makanan, minuman, premis, farmaseutikal, kosmetik, bahan gunaan rumah sembilhan dan logistik. Ia adalah rantaian bekalan kerana sering kali apabila kita bercakap mengenai halal ia dari ladang sehingga atas meja. Rantaian bekalan mestilah berkait, kalau terputus ia menyebabkan persijilan halal agak sukar. Ia juga memberi jaminan produk itu benar-benar halal.

**S:** Banyak usaha dijalankan dan sejahtera keberkesanannya usaha kepentingan kesedaran halal dalam kalangan pengguna. Kalau hendak buat kajian apa kayu pengukurnya?

**J:** Jawapannya mudah dan boleh kita fikir dan terima. Di pasar raya mewajibkan produk hendak dibawa masuk yang dilabel halal mestilah mendapatkan sijil halal yang kita tidak suruh pun. Mengapa ada

inisiatif seperti itu? Kerana pengguna yang desak. Ada pengguna yang ada kesedaran, dia hanya beli produk ada sijil halal dan ini memberi kesedaran kepada pihak peruncit untuk membawa masuk produk mempunyai sijil halal. Ia menyebabkan ada runut dalam kalangan pihak industri tiada sijil halal, cuma kami tidak dimarahi kerana bukan kami letak syarat itu. Ia terutama industri mikro dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang hendak masuk pasar raya, tetapi tiada sijil halal. Itu satu contoh peningkatan kesedaran pengguna.

Satu lagi contoh, sering kali masyarakat menularkan sesuatu isu yang dibuat secara bermusim dan berulang. Ada isu ditularkan kita sudah jawab pada 2014, tetapi diulah dengan meletakkan gambar berbezra, termasuk letak gambar haiwan seperti khinzir dan anak khinzir. Cerita sama sahaja. Mengapa? Mungkin ada satu pihak dari sudut perniagaan, walaupun tiada kajian khusus tetapi berdasarkan pemerintahan ia berkaitan dengan politik perniagaan. Yang hendak mencabar pasaran dan cuba menasarkan produk, tetapi tidak laku, dia memanfaatkan *keyboard warrior* (menyebarluaskan faktta tidak betul di media sosial) dan menyebabkan perniagaan jatuh.

Yang menjadi mangsa adalah kami kerana bila cerita tidak halal, orang akan bertanya kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengenai statusnya.

Kami berasas baik kerana mempunyai satu pasukan khas iaitu Seksyen Komunikasi Korporat dibentuk pada 2016 untuk menjawab dan mempunyai bank jawapan kepada persoalan dibangkitkan pengguna di media sosial kami iaitu Bahagian Hab Halal. Jawapan dibuat dalam tempoh empat jam selepas ditularkan.

Kita kena tingkatkan lagi kepentingan memiliki sijil halal dalam kalangan masyarakat, kalau mereka tidak sedar mereka tidak kisah dengan isu ditularkan dan mereka sepatutnya merujuk JAKIM terlebih dahulu sebelum menyebarkannya. Kami melihat dari sudut positif dan sentiasa memberikan jawapan tanpa berselindung.

**S:** Wujud persepsi orang ramai termasuk bukan Islam bahawa sijil halal amat mudah untuk diperoleh. Hanya perlu bayar

sejumlah wang dan pemeriksaan tidak menyeluruh serta mudah untuk ditipu. Sejauh mana kebenaran dan bagaimana untuk menangkis tanggapan semacam?

**J:** Itu saya lihat bukan realiti. Merelya berkata begitu apabila menggunakan ejen dan tidak terus dengan JAKIM. Ejen itu atau nama lain perundung yang menjadi orang tengah. Mereka ini yang meuar-uarkan yang mereka boleh bantu. Malah ada satu kes turut ditularkan yang mendakwa cuba memohon sijil halal bagi sebuah restoran yang dikenali. Adalah ejen memberitahu mempunyai cara mendapatkannya dengan mudah, bayar RM8,000 dia boleh uruskan. Ejen itu mendakwa bayaran itu bukan untuknya tetapi bagi membeli pegawai JAKIM dan cerita itu dimasukkan dalam Facebook (FB). Dia kata ada pegawai JAKIM yang bersongkok minta RM8,000 dan kalau yang berserban itu kena bayar lebih lagi. Sehingga ke tahap itu dia hendak memberikan perisu negatif kepada JAKIM. Maklum balas ini diperoleh daripada industri yang bosan dengan ejen tidak bertaualah ini dan datang jumpa kami.

Ada satu insiden seorang pengusaha industri datang ke pameran kami dan melihat dokumen dipamerkan, dia tanya kenapa mahal untuk mendapatkan sijil halal? Kami menafikannya dan menjelaskan kadang bagi permohonan sektor mikro adalah RM200 untuk tempoh dua tahun atau RM100 setahun. Dia mendakwa terpaksa membayar RM10,000 dan belum memperoleh sehingga kini. Kami juga memberikan keterangan kepada polis apabila membabitkan kes penipuan.

Sebab itu orang ramai digalakkan bertemu kami sendiri dan kami tidak pernah melantik mana-mana ejen atau orang tengah untuk menguruskan sijil halal. Malah dia ejen atau perundung ini mencari pelanggan dan menawarkan sijil halal digunakan sebagai strategi pemasaran bagi menarik perhatian ramai. Mereka mendakwa JAKIM meletakkan syarat untuk menggunakan ejen bagi membuat permohonan. Jadi dakwaan mengatakan syarikat bukan Islam mudah mendapat sijil halal adalah dongeng semata-mata.

**S:** Berapa lama proses untuk mendapatkan sijil halal?

**J:** Kita sudah melakukan inovasi dan penambahbaikan. Saya berani kata maksimum 30 hari dengan syarat industri benar-benar faham keperluan. Malah, kita ada rekod berjaya memproses kurang 14 hari. Malah, sekarang di bawah inisiatif segera persijilan halal, industri yang menjadi pelanggan kami dan komited serta faham apa hendak buat. Kita ada senarai putih dan laluhan segera.

Kalu senarai putih boleh dapat dalam tiga hari, manakala laluhan segera dalam tujuh hari. Senarai putih ini mempunyai pasukan halal sendiri yang kita bimbing. Kita hendak memastikan permohonan itu tidak memakan masa, mungkin dulu bila hendak audit selepas buat pembayaran, kita ke lapangan untuk melihat pengisytiharamnya seperti produksi dan sumber bahannya. Kita perlu lihat inovis, bahan mentah dan macam mana ia proses.

Sekarang kita hendak pastikan pihak industri bawa bukti. Kita pergi dan mereka buat pembentangan. Ia memendekkan audit. Bayangkan kalau ada 50 produk dan di hotel ada 550 menu, ambil masa hendak periksa tetapi kalau mereka sudah mempunyai sistem, kita didik mereka supaya mempunyai jawatankuasa halal dalaman, adet ketua eksekutif yang bertanggungjawab membuat permohonan sijil halal dan memantau proses harian, dia bertanggungjawab dan mempunyai dokumen.

Kita buat semakan dan tengok kalau ada risiko tinggi contohnya mereka mendakwa mengambil bekalan ayam daripada satu pihak, kita hendak tengok bukti di stor penyimpanan dan melihat logo pada pembungkusan. Sejak 2014 kita menerima banyak delegasi termasuk dari China, Korea, Hong Kong dan Jepun yang mengatakan permintaan produk halal di negara mereka semakin meningkat. Permintaan agak tinggi bagi pengguna bukan Islam di China seperti sana yang bertanggungjawab terhadap pemantauan mana-mana produk memasuki negara itu. Mereka menggunakan ejen bagi membuat permohonan. Jadi dakwaan mengatakan syarikat bukan Islam mengetahui bagaimana tahap permeriksaan serta proses perlu dilalui sebelum sijil dikeluarkan.

Ada juga gerakan antihalal di luar negara contohnya Australia yang badan pengeluar sijil halal mengakui sijil halal. Mereka mempunyai sistem yang sama dengan kita. Kita berunding dengan agensi tertentu dan pembimbing seperti MARA, FAMA dan MARDI.

mengenakan bayaran tinggi. Di Malaysia bayaran rendah iaitu RM200 sehingga RM1,000. Di Australia mereka caj mengenakan mengikut karton bagi daging, iaitu A\$0.25 sen yang nampak murah tetapi apabila dikira berdasarkan jumlah import, mereka buat duitt sehingga berbilion ringgit. Ada yang mendakwa duitt itu untuk memproses sijil halal adalah untuk menampung dana pengganas. Sampai begitu sekali.

**S:** Apa peranan JAKIM membantu pengusaha Islam yang belum memperoleh sijil halal?

**J:** Di samping program kesedaran seperti Halfest yang menerangkan dengan lebih lanjut aspek proses mendapatkan sijil halal. Ramai salah anggap apabila sering kali dilibatih proses mendapat sijil halal agak sukar dan macam-macam perlunya dililit, kononnya bayaran mahal tetapi kita sudah sering bagi jawapan iaitu ia mahal disebabkan pembabitan perundung dan orang ketiga sehingga proses lambat sangat.

Mungkin pada peringkat awal dahulu ketika kita baru hendak membangunkan sistem menyebabkan ambil masa sehingga tiga bulan malah enam bulan untuk memproses tetapi sekarang sudah ada inisiatif mempercepatkan dan kita beri jaminan paling lama 30 hari. Kita sentiasa terbuka menerima industri dan kita juga menjalankan sesi meja bulat setiap tiga bulan untuk memberitahu permasalahan dan menyelesaikan pelbagai isu.

**S:** Ada tak permintaan usahawan mikro memudahkan proses mendapatkan sijil halal?

**J:** Antara masalah dihadapi usahawan mikro, terutama di kawasan kampung, antara prasyarat mendapatkan sijil halal adalah perlu ada lesen pihak berkusa tempatan (PBT) dan apabila dukuk di kampung tiada lesen PBT. Jadi bagaimana kita bantu? Kita berunding dengan agensi tertentu dan pembimbing seperti MARA, FAMA dan MARDI.

**S:** Apa beza sijil halal kita ber-

|            |                                |             |                      |
|------------|--------------------------------|-------------|----------------------|
| Headline   | 'Buy Halal First' lebih sesuai |             |                      |
| MediaTitle | Berita Harian Ahad             |             |                      |
| Date       | 22 Sep 2019                    | Color       | Full Color           |
| Section    | Nasional                       | Circulation | 56,027               |
| Page No    | 1,12,13                        | Readership  | 168,081              |
| Language   | Malay                          | ArticleSize | 1322 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                            | AdValue     | RM 43,775            |
| Frequency  | Daily                          | PR Value    | RM 131,325           |



**banding sijil negara lain sehingga sijil halal Malaysia diterima secara meluas?**

**J:** Satu persijilan halal di luar negara dikendalikan syarikat atau persatuan tetapi di Malaysia oleh kerajaan. Apabila kerajaan, rangkaian proses itu lebih sempurna. Kita ada penilaian, audit di lapangan dan pemantauan. Syarikat tidak boleh buat pemantauan dan persatuan tiada kuasa. Kepercayaan masyarakat juga rendah se-

perti di Jepun yang kita iktiraf tujuh badan persijilan, namun mereka tetap mahukan sijil halal dari Malaysia.

Produk dikeluarkan dapur berpusat di Jepun yang mendapat sijil halal JAKIM kini mendapat sambutan termasuk hotel. Antara produknya paling laku adalah rendang daging wagyu yang dijual 10,000 paket. Maksudnya sijil halal Malaysia di pandang tinggi. Contohnya ada syarikat Malaysia bekerjasama

dengan syarikat Jepun untuk membuka dapur berpusat yang keluaran produk halal sudah menerima halal dari badan di Jepun. Tetapi penerimaan restoran dan rangkaian hotel tidak mahu ambil dan letakkan syarat jika dapat sijil halal Malaysia mereka akan ambil.

Ada dakwaan mengatakan negara jiran seperti Thailand, Singapura dan Indonesia lebih ke hadapan dalam aspek persijilan halal. Sebenarnya nampak ke depan kerana agresif dari segi pemasanaran. Apabila ke luar negara, kita akan nampak produk negara itu di pasar raya kerana perdagangannya lebih baik. Kita bukan tiada tetapi tidak keluar.

**S: Jadi JAKIM akan mempertahankan prosedur ketat sekarang?**

**J:** Bagi kami kita bukan namakan prosedur ketat, tetapi berintegrasi. Beri jaminan kepada pengguna bukannya menyusahkan. Ada yang kata prosedur susah dan bagaimana JAKIM hendak membantu mereka yang tidak bersedia dan kata susah ini. Kita sudah melaksanakan inisiatif, ada lima inisiatif sejak 2016. Satu halal jawatankuasa profesional menyediakan modul latihan dan penyedia latihan dalam kalangan universiti awam. Kita bangunkan Malaysia Halal Academy ini kita bangunkan dan bimbing industri sebelum mohon sijil halal. Dengan usaha sebegini, bukan sahaja usa-

hawan mikro mendapat bantuan, tetapi usahawan asnaf juga diperkenalkan majlis agama Islam. Kita bimbing mereka supaya selepas ini jadi pembayar zakat.

sijil dikeluarkan seumur hidup dan paling lama pun industri kosmetik iaitu tiga tahun namun tidak terlepas dari aspek pemasaran.

**S: Sekarang ada Kempen Buy Muslim First (BMF), patut ke peniaga mengambil kesempatan untuk dapatkan sijil halal?**

**J:** Saya setuju, banyak forum me-lontarkan persoalan itu dan bagi kita ini adalah peluang kepada industri Bumiputeran, sama ada mikro atau PKS dilengkapi sijil halal. Kalau orang lain kata BMF kita kata *'Buy Halal First'* mak-sudnya utamakan barang ada sijil halal. Insya Allah akan dapat produk berkualiti dan *halalan toyibban*. Apabila industri Muslim dapat sijil halal ia memberi kelebihan. Jangan hendak berkokok salahkan orang, fikir apa sumbu-ngan anda.

**S: Adakah proses memperbaiki sijil halal perlu menjalani proses awal semula dan perlu mendapat kelulusan penilaian?**

**J:** Betul dan auditor akan melaksanakan penilaian terutama yang berisiko tinggi tetapi jangan lupa sepanjang tempoh sijil sah, kita akan buat lawatan secara mengejut untuk memastikan industri mengikut prosedur sudah ditetapkan. Pemantauan kerap dilakukan di premis makanan iaitu tiga bulan sekali, rumah sembelih dua bulan sekali. Kita membuat penelitian dan melihat rekod. Tiada

**S: Dengan ada prosedur ketat ini, tiada ruang untuk salah la-ku dalam kalangan pegawai yang menilai dan meluluskan sijil halal?**

**J:** Dalam proses persijilan ini, dia bukan seorang yang uruskan permohonan dari awal sehingga akhir. Ia orang berlainan bagi menjamin integriti. Kalau hendak berlaku juga tidak mustahil, tetapi kebarangkalian agak rendah kerana yang terima orang lain dan pasukan lain pula berperanan, te-rima yuran dan buat audit.